

Banjir terburuk di Kedah

Kerajaan Negeri sedia RM300,000 untuk bantu mangsa banjir

ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR - Keadaan banjir di Kedah semakin buruk apabila jalan utama ditenggelami air dan pada masa sama terpaksa berdepan dengan gangguan bekalan air dan elektrik di tiga daerah.

Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak berkata, berikutan itu, Kerajaan Negeri menyediakan RM300,000 bagi membantu mangsa banjir terlibat dari segi menyediakan bantuan segera di pusat pemindahan.

"Jumlah peruntukan akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Namun pada peringkat awal ini, kita peruntukkan RM300,000 untuk melancarkan operasi banjir," katanya pada sidang media semalam.

Sehubungan itu, sukarelawan dan badan bukan kerajaan (NGO) diminta tampil menghulur bantuan kerana sumbangan pelbagai pihak amat diperlukan ketika ini kerana bencana kali ini lebih buruk berbanding tahun 2005.

Azizan berkata, selain empat daerah yang terjejas teruk kelmarin iaitu Padang Terap, Kubang Pasu, Kota Setar dan Pokok Sena, banjir kini turut melanda daerah Pendang sejak semalam.

"Kita menggerakkan semua agensi kerajaan dan badan berkanun termasuk badan sukarela turun padang menghulur bantuan. Malah kita mendapat kerjasama tentera, bomba dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia



● Dua mangsa banjir terpaksa membawa barang penting menyeberangi jalan utama Alor Setar-Kepala Batas yang terputus akibat banjir, semalam. Gambar kecil: AZIZAN.

(JPAM)," katanya.

Menurutnya, bantuan awal seperti makanan, selimut dan pakaian sudah diagihkan sejak dua hari lalu apabila banjir mula melanda daerah Padang Terap.

Azizan juga sedih kerana mangsa banjir terpaksa bergelap akibat ketiadaan elektrik dan air di beberapa lokasi berikutan kawasan terbabit terjejas teruk.

"Saya simpati namun yakin rakyat faham dengan situasi ini. Beberapa loji air terpaksa ditutup kerana mengalami gangguan bekalan elektrik selain kuantiti kekeruhan air yang tinggi menyebabkan operasi dihentikan," katanya.

Menurutnya, buat sementara waktu,

Syarikat Air Darul Aman (Sada) mengambil langkah berjaga-jaga selain mengagihkan bekalan air menggunakan lori tangki.

Ditanya sama ada banjir terburuk ini turut berpunca daripada banjir besar yang melanda Selatan Thailand, Azizan berkata, kemungkinan banjir daripada kawasan terbabit menurun ke utara Semenanjung, namun ia bukan punca utama.

"Tu situasi biasa apabila berlaku aliran air turun ke kawasan utara Kedah. Ditambah pula dengan hujan turun tanpa henti selain air laut pasang. Namun saya akui situasi bertambah buruk dan harapan saya masalah ini dapat diselesaikan segera," katanya.

21 sekolah di tiga daerah ditutup

ALOR SETAR - Sebanyak 21 sekolah ditutup akibat banjir membabitkan tiga daerah, iaitu Padang Terap (1), Kota Setar (7) dan Kubang Pasu (13).

Ketua Sektor Jaminan Kualiti, Jabatan Pelajaran Kedah, Mustafa Abd Hamid berkata, berdasarkan maklumat yang diterima sehingga jam 1 petang semalam, sekolah yang ditutup di daerah Padang Terap ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato Syed Ahmad.

"Sekolah yang ditutup di daerah Kota Setar pula ialah SMK Seri Gunong, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Darul Saadah, Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Baru, SK Titi Gajah, SK Sri Gunong, SK Bukit Pinang dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Tai Chong. "Di Kubang Pasu, SMK



● MUSTAFA

Tanjung Pauh, SMK Jitra, SK Dato Wan Kemara, SK Hakim Teh, SK Jitra, SK Jitra II, SK Jitra III, SK Kepala Batas, SK Kodiang, SK Megat Dewa, SK Seri Banai, SK Teluk Malik, dan SJKC) Choong Hwa," katanya ketika ditemui Sinar Harian, semalam.

Menurutnya, 13 sekolah di daerah Kubang Pasu dijadikan pusat penempatan mangsa banjir manakala 11

sekolah di Kota Setar dan tiga di Padang Terap.

"SK Jitra II (Kubang Pasu) yang ditutup turut dijadikan pusat

penempatan mangsa banjir manakala pusat penempatan di SK Bukit Pinang (Kota Setar) dipindahkan ke SMK Langgar," katanya.

Difahamkan, sekolah di Kubang Pasu yang dijadikan pusat penempatan mangsa banjir ialah SMK Changloon, SMK Hosba, SMK Megat Dewa, SMK Seri Mahawangsa, SMK Tunku Indera Putera, SMK Tunku Anum, SK Anak-anak Angkatan Tentera, SK Bandar Baru Darulaman, SK Padang Pekan, SK Sultan

Ahmad Tajuddin, SK Bukit Tinggi dan SK Malau.

Di Kota Setar, SMK Alor Janggus, SMK Tunku Abdul Malik, SMK Hutan Kamp-

ung, SMK Kepada Batas, SMK Langgar, SK Gunong, SK Taman Aman, SK Bukit Hijau, SK Taman Awana, SK Titi Gajah dan SK Haji Abu Bakar, dan Padang Terap; SK Seri Bakti, SK Toh Puan Syarifah Hanifah dan SK Kuala Nerang.

Mustafa berkata, seramai 8,250 pelajar dan guru sekolah kebangsaan terlibat dengan banjir manakala 5,525 lagi adalah guru dan pelajar sekolah menengah di seluruh daerah di Kedah.

"Keseluruhan 13,775 mangsa banjir itu terdiri daripada 1,489 dari daerah Kota Setar, 2,006 dari daerah Padang Terap dan 10,280 dari daerah Kubang Pasu.

"Bagaimanapun, mungkin terdapat perubahan angka mangsa memandangkan paras air dilaporkan semakin naik," katanya.



● Antara kawasan yang dinaiki air. 6,729 keluarga dipindahkan ke 96 pusat penempatan di Kedah.

26,316 kena pindah

ALOR SETAR - Jumlah mangsa banjir yang dipindahkan ke pusat penempatan di negeri ini direkodkan seramai 26,316 orang sehingga jam 7 petang semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Negeri memaklumkan, banjir yang melanda empat daerah iaitu Kubang Pasu, Padang Terap, Pokok Sena dan Kota Setar menyebabkan 6,729 keluarga dipindahkan ke 96 pusat penempatan.

Menurutnya, di Padang Terap, 801 keluarga melibatkan 3,105 mangsa ditempatkan di pusat penempatan banjir manakala 183 keluarga membabitkan 808 mangsa dibenarkan pulang.

"Di Kubang Pasu, 4,178 keluarga melibatkan 15,613 mangsa terlibat manakala 414 keluarga (2,043 mangsa) dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

"Manakala di Pokok Sena dan Kota Setar, masing-masing mencatatkan bilangan 289 keluarga (1,291 mangsa) dan 1,461 keluarga (6,307 mangsa)," katanya.

Difahamkan, terdapat 35 pusat penempatan banjir di Padang Terap masih beroperasi manakala lima lagi ditutup; 45 pusat di Kubang Pasu dibuka manakala tiga ditutup; lima pusat di Pokok Sena dibuka dan sembilan pusat masih beroperasi di Kota Setar.

"Air di Padang Terap dilaporkan semakin surut dan aliran air menuju ke daerah lain seperti Kubang Pasu, Pokok Sena dan Kota Setar. Namun pasukan penyelamat masih bersiap sedia untuk membantu

mangsa banjir.

"Ini kerana terdapat beberapa kawasan seperti di Kubang Pasu, sukar diakses oleh kenderaan penyelamat kerana deretan kenderaan diletak di kiri dan kanan jalan dan mereka perlu menunggu pemilik kenderaan terbabit mengalihkannya," katanya.

Menurutnya, terdapat dua sungai di Padang Terap yang menunjukkan bacaan di bawah paras bahaya iaitu Sungai Naka, 30.94 meter berbanding paras bahaya 33 meter dan Sungai Padang Sanai, 31.56 meter berbanding paras bahaya, 36 meter.

"Sungai lain di daerah itu masih menunjukan bacaan di bawah paras bahaya iaitu Sungai Kuala Nerang, 19.19 meter berbanding paras bahaya 17.07, Sungai Kampung Kubu, 15.16 meter berbanding 13.02 meter paras bahaya, manakala di daerah Kubang Pasu, Sungai Bata pada paras 9.58 meter berbanding paras bahaya 9.14 meter.

"Di daerah Kota Setar, Sungai Kepala Batas mencatatkan paras air 5.05 meter berbanding 3.8 meter bagi tahap bahaya dan Sungai Pantai Johor pada 2.69 meter berbanding paras bahaya, 2 meter," katanya.

Sementara itu, Empangan Ahning, Empangan Pedu dan Empangan Muda belum mencatatkan bacaan pada paras bahaya iaitu Pedu, 93.86 meter berbanding 100.5 meter paras bahaya, Muda, 100.49 meter berbanding 103.63 meter paras bahaya dan Ahning, 112 meter berbanding 115.95 meter paras bahaya.